

18/10/1998

Anggota BN perlu komitmen

JOHOR BAHRU: Setiap parti komponen Barisan Nasional (BN) perlu menunjukkan komitmen dan kesungguhan bagi memenangi pilihan raya akan datang, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, langkah itu perlu kerana senario politik ketika ini adalah jauh berbeza berbanding pilihan raya umum 1995 yang membolehkan BN menang dengan majoriti besar.

"Masalah politik dalaman dan kegawatan ekonomi adalah isu yang akan dimainkan oleh pembangkang ketika pilihan raya kelak.

"Justeru, setiap parti komponen BN perlu bersungguh-sungguh menghadapi cabaran dan jangan bersikap menyerah kalah jika mahu memastikan BN terus berkuasa walaupun majoritinya mungkin berkurangan," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dipetik berkata, BN akan terus membentuk kerajaan walaupun majoriti besar yang dinikmati sekarang mungkin tidak berulang dalam pilihan raya akan datang.

Katanya, BN mempunyai peluang yang baik untuk memenangi pilihan raya kerana kebanyakan dasar kerajaan menjadi dasar parti yang memerintah seperti `Dasar Pandang ke Timur' dan `Konsep Penswastaan'.

(END)